

~~dan Parti Bumiputra Bersatu. UMNO memperjuangkan hasrat dan cita-cita kebangsaan Melayu sementara Parti Bumiputra Bersatu memperjuangkan kepentingan dan masa depan kaum Bumiputra di Sarawak.~~

4. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih ~~serta setinggi penghormatan~~ di atas ikrar yang telah dilafazkan oleh Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub, memberi sokongan dan kepercayaan kepada saya. Saya juga merasa bangga kerana Parti ^{Pesaka} Bumiputra Bersatu, sanggup berkorban serta tenggalam timbul dalam Barisan Nasional. Inilah semangat dan hasrat yang patut dibuktikan oleh setiap parti anggota Barisan Nasional. ~~Insyallah UMNO akan tetap dalam Barisan Nasional.~~